

**D.R. 38/2023**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda—

(a) dalam subseksyen 2(1)—

(i) dengan menggantikan takrif “institusi kewangan” dengan takrif yang berikut:

*Rang Undang-Undang*

‘ “institusi kewangan” ertiinya—

- (a) suatu bank berlesen, penanggung insurans berlesen dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758];
- (b) suatu bank Islam antarabangsa berlesen, pengendali takaful antarabangsa berlesen, bank Islam berlesen dan pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759];
- (c) suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618];
- (d) seorang pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731];
- (e) seseorang yang dilesenkan atau daidaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
- (f) suatu depositori pusat di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453];
- (g) seorang pemegang lesen bank, pemegang lesen insurans, pemegang lesen sekuriti dan mana-mana entiti berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704]; dan
- (h) seorang pemegang lesen bank Islam, pemegang lesen takaful, pemegang lesen sekuriti Islam dan mana-mana entiti berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705];’;

- (ii) dengan memotong takrif “institusi kewangan luar pesisir”;
- (iii) dengan menggantikan takrif “kesalahan berat” dengan takrif yang berikut:
  - ‘“kesalahan berat” ertinya—
    - (a) suatu kesalahan terhadap undang-undang Malaysia yang berkenaan dengannya hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang itu ialah pemerjaraan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun, atau suatu hukuman yang lebih berat; atau
    - (b) apa-apa percubaan, persubatan atau komplot untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a);’;
- (iv) dalam takrif “kesalahan berat asing” dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:
  - “(a) terhadap undang-undang sesuatu Negara asing yang ditetapkan yang berkenaan dengannya hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang itu ialah pemerjaraan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun, atau suatu hukuman yang lebih berat; dan”;
- (v) dalam takrif “pegawai diberi kuasa” dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “Badan Pencegah Rasuah” dengan perkataan “Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia”;

*Rang Undang-Undang*

(vi) dengan memasukkan selepas takrif “perakuan kekebalan undang-undang asing” takrif yang berikut:

‘“peralatan” ertinya—

- (a) apa-apa benda yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing; atau
- (b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing,

sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia;’;

(vii) dalam takrif “perintah pelucuthakan” dengan memasukkan selepas perkataan “harta” perkataan “atau peralatan”;

(viii) dalam takrif “perintah pelucuthakan asing”—

- (A) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (B) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”;
- (C) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
  - “(c) peralatan atau nilai peralatan itu;”; dan

- (D) dengan memotong perkataan “yang dibuat pada atau selepas tarikh perintah di bawah subseksyen 17(1) yang mengisyiharkan sesuatu Negara asing sebagai Negara asing yang ditetapkan mula berkuat kuasa atau pada atau selepas tarikh arahan khas yang diberikan oleh Menteri berkenaan dengan suatu Negara asing di bawah seksyen 18;”; dan
- (ix) dalam takrif “perkara jenayah sampingan”, dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “harta” perkataan “atau peralatan”; dan
- (b) dalam subseksyen 2(3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “yang berupa prosiding jenayah” dengan perkataan “di sesuatu Negara asing yang ditetapkan”;
  - (ii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) dimulakan apabila apa-apa tindakan dibawa ke mahkamah terhadap seseorang berhubung dengan suatu kesalahan berat asing;”; dan
  - (iii) dalam subperenggan (b)(vi), dengan memasukkan selepas perkataan “harta” perkataan “atau peralatan”.

### **Pindaan seksyen 3**

**3.** Perenggan 3(c) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “harta” perkataan “atau peralatan”.

**Pindaan seksyen 7**

4. Subseksyen 7(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “saluran diplomatik” perkataan “, atau jika hal keadaan menghendaki, boleh dibuat secara terus kepada pihak berkuasa yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Negara asing itu”.

**Pindaan seksyen 13**

5. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “harta berkenaan berada” dengan perkataan “harta atau peralatan berkenaan berada”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dalam prosiding jenayah yang telah atau akan dimulakan di Malaysia, untuk menyekat urusan mengenai apa-apa harta” dengan perkataan “di Malaysia untuk menyekat urusan mengenai apa-apa harta atau peralatan”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “harta telah didapatkan” dengan perkataan “harta atau peralatan telah didapatkan”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “harta” perkataan “atau peralatan”; dan
- (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “harta itu didapatkan” dengan perkataan “harta atau peralatan itu didapatkan”.

### **Pindaan seksyen 19**

**6.** Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “saluran diplomatik” perkataan “, atau jika hal keadaan menghendaki, boleh dibuat secara terus kepada Peguam Negara”; dan
- (b) dalam subseksyen (3)—
  - (i) dengan memotong subperenggan (c)(i); dan
  - (ii) dalam subperenggan (c)(iii)—
    - (A) dalam subsubperenggan (B), dengan menggantikan perkataan “harta yang disyaki” dengan perkataan “harta atau peralatan yang disyaki”; dan
    - (B) dengan memasukkan selepas perkataan “perihalan mengenai harta” perkataan “atau peralatan”.

### **Pindaan seksyen 20**

**7.** Perenggan 20(1)(h) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “tidak begitu penting kepada penyiasatan atau”.

### **Pindaan seksyen 23**

**8.** Subperenggan 23(4)(b)(i) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “berkemungkinan mempunyai nilai substansial, sama ada benda itu sendiri atau bersama dengan benda lain, kepada” dengan perkataan “adalah berkenaan dengan”.

**Pindaan seksyen 31**

**9.** Subseksyen 31(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “harta yang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “harta atau peralatan yang”.

**Pindaan seksyen 34**

**10.** Subseksyen 34(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “harta” perkataan “atau peralatan”; dan
- (b) dalam perenggan (e), dengan memasukkan selepas subsubperenggan (i)(B) subsubperenggan yang berikut:  
“(C) peralatan atau nilai peralatan itu; atau”.

**Pindaan seksyen 36**

**11.** Subperenggan 36(2)(b)(i) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “berkemungkinan mempunyai nilai substansial, sama ada benda itu sendiri atau bersama dengan benda lain, kepada” dengan perkataan “adalah berkenaan dengan”.

**Pindaan seksyen 38**

**12.** Seksyen 38 Akta ibu dipinda dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan **“berkenaan dengan pegawai diberi kuasa yang melaksanakan”** dengan perkataan **“kerana mematuhi”**.

**Seksyen baharu 41A**

**13.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 41 seksyen yang berikut:

**“Pemakaian undang-undang bertulis lain**

**41A.** (1) Dalam memberikan bantuan dalam perkara jenayah di bawah Bahagian ini, peruntukan undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan kuasa pegawai diberi kuasa hendaklah terpakai setakat peruntukan itu tidak bercanggah dengan Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), perlindungan dan kekebalan yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa itu dalam melaksanakan kuasa di bawah undang-undang bertulis lain itu hendaklah terpakai bagi pegawai diberi kuasa itu.”.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 (“Akta 621”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk menambah baik peruntukan Akta 621 dalam memberikan bantuan bersama dalam perkara jenayah antara Malaysia dengan negara lain.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 621. *Perenggan 2(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 621 yang dengannya takrif tertentu yang sedia ada dalam Akta 621 dicadangkan untuk dipinda. *Perenggan 2(a)* juga bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “peralatan” ke dalam Akta 621.

Takrif “institusi kewangan” dicadangkan untuk dipinda untuk mengemas kini dan memperluas skop takrif institusi kewangan untuk memasukkan semua institusi yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkaitan.

Takrif “kesalahan berat” dicadangkan untuk dipinda bagi memperuntukkan bahawa apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Malaysia yang berkenaan dengannya hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang itu ialah pemerjaraan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun, atau suatu hukuman yang lebih berat dan apa-apa percubaan, persubahatan atau komplot untuk melakukan mana-mana kesalahan itu merupakan suatu kesalahan berat.

Takrif “kesalahan berat asing” dicadangkan untuk dipinda bagi memperuntukkan bahawa apa-apa kesalahan terhadap undang-undang sesuatu Negara asing yang ditetapkan yang berkenaan dengannya hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang itu ialah pemerjaraan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun, atau suatu hukuman yang lebih berat merupakan suatu kesalahan berat asing.

Takrif “pegawai diberi kuasa” dicadangkan untuk dipinda untuk mengemas kini sebutan bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Takrif “peralatan” dimasukkan ke dalam Akta 621 bagi memperluas skop Akta 621 untuk memasukkan peralatan yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana kesalahan berat atau suatu kesalahan berat asing.

Takrif “perintah pelucutahan” dicadangkan untuk dipinda bagi memperuntukkan bahawa perintah pelucutahan ertiannya suatu perintah yang dibuat di Malaysia bagi pelucutahan harta dan peralatan. Pada masa kini, perintah pelucutahan hanya meliputi suatu perintah pelucutahan bagi harta.

Takrif “perintah pelucutahan asing” dicadangkan untuk dipinda bagi memasukkan peralatan atau nilai peralatan itu dalam suatu perintah untuk mendapatkan, melucutahkan atau merampas yang dikeluarkan oleh mahkamah di sesuatu Negara asing yang ditetapkan. Takrif “perintah pelucutahan asing” juga dicadangkan untuk dipinda bagi mengatasi kehendak yang tidak praktikal bahawa sesuatu perintah pelucutahan asing hendaklah hanya dikeluarkan oleh Negara asing yang meminta selepas suatu arahan khas untuk Negara asing itu dikeluarkan di bawah seksyen 18 Akta 621. Dalam hal keadaan yang lazim, suatu perintah pelucutahan asing telah terlebih dahulu dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa kehakiman asing dan perintah itu dihantar ke Malaysia untuk pelaksanaan melalui bantuan bersama dalam perkara jenayah sebelum arahan khas berkenaan dengan Negara asing itu dikeluarkan.

Takrif “perkara jenayah sampingan” dicadangkan untuk dipinda bagi memasukkan peralatan dalam penyekatan urusan dengan, atau penyitaan, pelucutahan atau perampasan, yang berkaitan dengan suatu kesalahan berat atau suatu kesalahan berat asing. Dalam peruntukan sedia ada, suatu perkara jenayah sampingan hanya meliputi penyekatan urusan dengan, atau penyitaan, pelucutahan atau perampasan, harta.

*Perenggan 2(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 2(3)(a) Akta 621 untuk menjelaskan bahawa prosiding kehakiman di sesuatu Negara asing yang ditetapkan dimulakan apabila apa-apa tindakan dibawa di mahkamah terhadap seseorang berhubung dengan suatu kesalahan berat asing. *Perenggan 2(b)* juga bertujuan untuk meminda subperenggan 2(3)(b)(vi) Akta 621 untuk memperuntukkan bahawa prosiding kehakiman di sesuatu Negara asing yang ditetapkan diselesaikan apabila penunaian suatu perintah pelucutahan asing dengan mendapatkan peralatan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda perenggan 3(c) Akta 621 bagi memperluas tujuan Akta 621 dalam memberikan dan memperoleh bantuan antarabangsa dalam perkara jenayah termasuk mendapatkan, melucutahkan atau merampas peralatan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau suatu kesalahan berat asing. Pada masa kini, bantuan antarabangsa dalam perkara jenayah hanya meliputi mendapatkan, melucutahkan atau merampas harta.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(2) Akta 621 untuk membolehkan Peguam Negara dalam hal keadaan tertentu untuk membuat suatu permintaan bagi bantuan dalam perkara jenayah secara terus kepada pihak berkuasa yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh sesuatu Negara asing itu. Hal keadaan itu termasuklah jika tiada pejabat Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, Konsulat Jeneral atau Konsulat Malaysia di Negara asing itu atau jika permintaan perlu dilaksanakan dengan segera.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 621. *Perenggan 5(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(1) Akta 621 bagi membolehkan Peguam Negara meminta pihak berkuasa yang berkenaan sesuatu Negara asing untuk membuat perkiraan bagi pelaksanaan perintah pelucutahan jika Peguam Negara berpuas hati bahawa terdapat alasan yang munasabah

untuk mempercayai bahawa peralatan itu berada di Negara asing itu. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa jika perintah pelucutahan boleh dibuat di Malaysia, Peguam Negara boleh meminta pihak berkuasa yang berkenaan sesuatu Negara asing itu membuat perkiraan bagi menyekat urusan mengenai apa-apa harta atau peralatan.

*Perenggan 5(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 13(2)(a), (b) dan (c) Akta 621 untuk mengadakan peruntukan bahawa suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak berkuasa yang berkenaan sesuatu Negara asing yang menyatakan bahawa peralatan telah didapatkan, nilai peralatan itu dan tarikh di mana peralatan itu telah didapatkan hendaklah diterima sebagai keterangan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 19(2) Akta 621 untuk membolehkan sesuatu Negara asing yang ditetapkan dalam hal keadaan tertentu untuk membuat suatu permintaan bagi bantuan dalam perkara jenayah secara terus kepada Peguam Negara. Hal keadaan itu termasuklah jika tiada pejabat Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, Konsulat Jeneral atau Konsulat Negara asing yang ditetapkan itu di Malaysia atau jika permintaan itu perlu dilaksanakan dengan segera. *Fasal 6* juga bertujuan untuk meminda subperenggan 19(3)(c)(iii) untuk mengadakan peruntukan jika permintaan oleh sesuatu Negara asing yang ditetapkan kepada Malaysia untuk bantuan dalam perkara jenayah berhubungan dengan pengesanan peralatan, permintaan itu hendaklah disertakan dengan lokasi dan perihalan peralatan itu.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda perenggan 20(1)(h) Akta 621 untuk memperuntukkan alasan penolakan yang jelas bagi permintaan bantuan hanya bagi perkara yang boleh dengan munasabahnya didapati dengan cara lain.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subperenggan 23(4)(b)(i) Akta 621 untuk memperuntukkan bahawa sesuatu permohonan bagi perintah pengemukaan berhubung dengan dokumen perbankan dan kewangan dalam milikan institusi kewangan boleh dibuat jika permohonan itu memenuhi syarat bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa benda yang berkaitan dengan permohonan itu adalah berhubungan dengan perkara jenayah yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat. Di bawah peruntukan sedia ada, syarat yang ketat dikenakan yang menurutnya mesti ditunjukkan bahawa benda yang dengannya permohonan itu berkaitan berkemungkinan mempunyai nilai substantial kepada perkara jenayah itu.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 31(1) Akta 621 untuk memperuntukkan bahawa pihak berkuasa yang berkenaan sesuatu Negara asing yang ditetapkan boleh meminta Peguam Negara untuk membantu dalam penguatkuasaan dan penunaian suatu perintah pelucutahan asing terhadap peralatan, atau untuk membantu menyekat urusan dalam apa-apa peralatan, yang dipercayai dengan munasabahnya terletak di Malaysia.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda perenggan 34(1)(c) Akta 621 untuk mengadakan peruntukan bahawa perakuan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak berkuasa yang berkenaan sesuatu Negara asing yang ditetapkan yang menyatakan bahawa peralatan lain yang boleh didapatkan di bawah suatu perintah pelucutahan asing masih belum didapatkan di Negara asing yang ditetapkan itu hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti lanjut.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subperenggan 36(2)(b)(i) Akta 621 untuk memperuntukkan bahawa sesuatu permohonan bagi waran geledah boleh dibuat jika permohonan itu memenuhi syarat bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai benda yang berkaitan dengan permohonan itu adalah berhubungan dengan perkara jenayah yang berkenaan dengan permohonan yang dibuat. Di bawah peruntukan sedia ada, syarat yang ketat dikenakan yang menurutnya mesti ditunjukkan bahawa benda yang dengannya permohonan itu berkaitan berkemungkinan mempunyai nilai substantial kepada perkara jenayah itu.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda nota bahu seksyen 38 Akta 621 supaya selaras dengan peruntukannya yang berkenaan dengan perlindungan daripada tindakan sivil dan jenayah kepada mana-mana orang yang mematuhi waran geledah.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A ke dalam Akta 621 bagi memperuntukkan bahawa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan kuasa pegawai yang diberi kuasa hendaklah terpakai setakat peruntukan itu tidak bercanggah dengan Akta 621 dan perlindungan dan kekebalan yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa itu dalam melaksanakan kuasa di bawah undang-undang bertulis lain itu hendaklah terpakai bagi pegawai diberi kuasa itu.
15. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amunnnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2884]